



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA



Balai Seni Negara  
National Art Gallery

UKK/600-01/05 (75)

## SIARAN MEDIA

### DIALOG PENGGIAT SENI BERSAMA YB TUAN KHAIRUL FIRDAUS AKHBAR KHAN, TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

**19 OGOS 2024 – Balai Seni Negara** hari ini mengadakan “**Dialog Penggiat Seni Visual Bersama YB Tuan Khairul Firdaus Akhbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)**” bertempat di **Auditorium, Balai Seni Negara**. Turut hadir YBrs. Encik Shaik Rizal Sulaiman, Pengurus Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan serta agensi.

Sesi dialog ini diadakan dengan matlamat untuk mewujudkan platform komunikasi dua hala antara YB Timbalan Menteri MOTAC dan para penggiat seni tempatan dalam mengutarakan cadangan dan pandangan mereka berkaitan seni.

Sesi dialog yang berlangsung kira-kira satu jam ini dihadiri seramai 200 orang, terdiri daripada penggiat seni, wakil persatuan seni, galeri seni awam dan swasta serta warga akademik. Pertemuan antara YB Timbalan Menteri MOTAC dan para penggiat seni tempatan ini secara langsung dapat membuka ruang bagi membincangkan pelbagai isu serta idea berkaitan seni dan budaya secara santai.

Dalam sesi dialog berkenaan, YB Timbalan Menteri turut menggariskan komitmen kementerian untuk menjadikan Balai Seni Negara sebagai hab seni utama di Malaysia yang wajib dikunjungi oleh pelancong domestik dan antarabangsa. Beliau juga menyatakan bahawa kementerian akan terus berusaha untuk menyediakan platform yang lebih baik dan meluas bagi penggiat seni tempatan untuk berkarya.

Para penggiat seni juga disarankan untuk memanfaatkan sumber bantuan kerajaan seperti Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK), Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP) dan Tabung Bantuan Seni (TBS), sebagai usaha untuk menyemarakkan program berkaitan seni dan budaya.

Untuk rekod, sebanyak RM 1.5 juta telah disalurkan kepada penerima menerusi TBS pada tahun lalu manakala sebanyak RM 418,700.00 telah disalurkan kepada kira-kira 24 penerima sepanjang tahun ini bagi menjayakan program serta aktiviti seni yang berimpak tinggi.

Dalam pada itu, YB Timbalan Menteri turut mengumumkan pelancaran Tabung Seni Negara yang dijadualkan pada tahun hadapan. Tabung ini merupakan salah satu inisiatif baharu yang bertujuan untuk menyokong dan memperkasa seni tempatan serta membantu penggiat seni dalam pengembangan karya mereka.

Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, kementerian menasarkan peningkatan jumlah pengunjung ke Balai Seni Negara. Justeru itu, beliau mengingatkan semua pihak untuk memainkan peranan dan berganding bahu dalam memajukan ekosistem seni negara sekaligus memartabatkan seni dan budaya Malaysia ke pentas antarabangsa.

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)